

Pembaca salah tafsir polemik Hang Tuah



Kuala Lumpur: Polemik kewujudan Hang Tuah berpunca daripada salah tafsir orang ramai berkaitan buku Hikayat Hang Tuah (HHT) yang dianggap sebagai buku rujukan sejarah sedangkan ia penulisan yang perlu ditapis bagi mengeneipkan unsur mitos dalam karya berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio-budaya Majlis Profesor Negara Prof Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar berkata,

ada segelintir masyarakat yang melihat HHT sebagai sumber sejarah sedangkan fakta sebenarnya tidak begitu.

“Ingin saya tegaskan bahawa Hang Tuah sememangnya wujud berdasarkan buku Sejarah Melayu karangan Tun Sri Lanang termasuk beberapa sumber luar daripada Dinasti Ming, China; Kerajaan Ryukyu (Jepun) dan Portugis.

“Sumber luar itu jelas menyatakan kewujudan seorang lelaki pahlawan berpangkat ‘Laksamana’ dan hasil padanan garis waktu menunjukkan ia adalah Hang Tuah,” katanya kepada Metro Ahad ketika dihubungi, di sini, semalam.

Abdul Latiff berkata, HHT ditulis berdasarkan ‘cerita hidup’ laksamana itu, namun tidak boleh dinafikan bahawa berlaku elemen memperbesarkan kepahlawanan Hang Tuah oleh penulisnya.

Beliau berkata, keadaan itu mewujudkan sedikit kecelaruan, tetapi itu tidak bermakna kewujudan Hang Tuah boleh dinafikan kerana ada sumber sejarah luar yang membuktikan zaman kehidupannya.

“Contoh elemen memperbesarkan ini adalah Hang Tuah dikatakan bertempur selama 60 hari tanpa henti dan keadaan ini menunjukkan penulis menambah kehebatannya se-

hingga melampaui batas logik manusia.

“Kita tidak boleh samakan Sejarah Melayu dengan HHT kerana buku hikayat berkenaan memerlukan penganalisis sejarah menapis elemen yang tidak perlu termasuk perkara untuk memperbesarkan seseorang pahlawan,” katanya.

Ditanya berhubung sumber bertulis ketika zaman kehidupan Laksamana Hang Tuah, beliau berkata, sumber bertulis yang direkodkan pada 1622 iaitu Sejarah Melayu hasil Tun Sri Lanang iaitu kira-kira 100 tahun selepas zaman Hang Tuah.

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan sumber luar

membuktikan bahawa kewujudan Hang Tuah memandangkan laksamana itu pernah belayar ke beberapa negara dan ia tercatat dalam sejarah negara luar.

Menurutnya, ada juga kemungkinan catatan asal berkaitan sejarah Melayu dibawa keluar oleh penjajah ketika keruntuhan Kota Melaka pada 1511 dan itu memerlukan kajian lebih mendalam.

“Saya memuji usaha dua pengkaji Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam menjejaki Hang Tuah kerana ia dapat menghentikan polemik kewujudan Hang Tuah sejak berkurun lalu,” katanya.